

Grab akan bawa masuk 200 kenderaan elektrik baru tahun depan



Foto GRAB

FIRMA khidmat sewa kereta privet Grab akan membawa masuk 200 kenderaan elektrik baru mulai tahun depan, sebagai sebahagian daripada ikatan perkongsian dengan penyedia tenaga utiliti SP Group.

Grab semalam mengumumkan kenderaan baru itu akan mula digunakan di jalan raya pada awal tahun depan, dan boleh didapati melalui cawangan sewanya, GrabRentals.

Di bawah perkongsian itu, pemandu kereta sewa Grab akan menikmati kadar harga istimewa di stesen pengecasan kenderaan SP Group dan tempat letak kereta diskaun kepada pemandu yang menggunakan stesen pengecasan.

Jun lalu, syarikat penyedia tenaga utiliti itu mengumumkan rancangan memperkenalkan rangkaian 500 stesen pengisian cepat menjelang 2020, dengan 30 yang pertama disediakan pada akhir tahun ini.

Ia akan diletakkan di kawasan seperti estet perumahan, pusat beli-belah, tapak perindustrian dan taman perniagaan.

Firma berpangkalan di Singapura itu berkata ia akan bekerjasama dengan SP Group untuk mengkaji corak penggunaan kenderaan elektrik bagi meningkatkan akses dan penggunaan stesen pengecasan.

Grab berkata butiran lebih lanjut mengenai kos pengecasan, di samping model kenderaan elektrik yang akan digunakan, akan diumumkan hujung tahun ini.

Bagaimanapun, firma itu menyatakan kenderaan model itu boleh bergerak sejauh 400km setiap caj, dengan mengecas selama 40 minit.

Ketua pembangunan strategik SP

Group, Encik Goh Chee Kiong, berkata perkongsian dengan Grab akan membantu “mempercepat penggunaan EV (kenderaan elektrik) yang lebih meluas di Singapura dan menyokong usaha negara mengurangkan karbon kita”.

“Dengan SP menyertai konsortium rakan kongsi kenderaan elektrik, Grab berada dalam kedudukan unik untuk membantu menghasilkan penggunaan kenderaan yang lebih bersih, lebih hijau di Singapura dengan menggalakkan lebih banyak pemandu kami menggunakan EV,” kata ketua Grab Singapura, Encik Lim Kell Jay.

Kereta elektrik sepenuhnya sudah ada melalui Grab tetapi bilangannya tidak diketahui.

Kenderaan ‘hijau’ itu telah dilancarkan baru-baru ini.

Kini terdapat 647 kereta hibrid elektrik dan *plug-in* bulan lalu (Julai) berbanding 137 dua tahun lalu.

Pada Februari, peruncit elektrik Red Dot Power mengumumkan perkongsian dengan firma teknologi pengecasan Finland PlugIT untuk memasang sekurang-kurangnya 50 stesen pengecasan menjelang akhir tahun depan.

Operator perkongsian kereta elektrik BlueSG mahu membina 2,000 tempat pengecasan menjelang 2020, dengan 400 daripadanya boleh digunakan orang ramai.

Syarikat besar teksi ComfortDelGro telah memperkenalkan dua teksi elektrik Hyundai Ioniq bulan lalu sebagai sebahagian daripada percubaan selama setahun.

Teksi HDT Singapura pula akan memperluas kereta elektrik sepenuhnya daripada 100 sekarang kepada 800 menjelang Julai 2022.